



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

## TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI HAK-HAK PENGGUNA SEDUNIA  
DAN  
HARI PENGGUNA KEBANGSAAN 2021**

PADA

**15 MAC 2021 (ISNIN)**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Prihatin**

Terima kasih Puan Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan  
Hal Ehwal Pengguna

**YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj.  
Ahmad,**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal  
Ehwal Pengguna

Pegawai-pegawai kanan dan warga kementerian,

Badan Bukan Kerajaan (NGO),

Dan seterusnya para pengguna yang saya kasihi  
sekalian.

1. Setinggi-tinggi kesyukuran kerana kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk menyambut sambutan yang mengangkat dan memartabatkan pengguna di negara ini. Walaupun negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19 dan kita masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP,

namun semua ini tidak menjadi halangan untuk kita bersama-sama secara norma baru melalui maya bagi meraikan hari yang bersejarah ini.

#### **A. Keputusan Kerajaan Menjadikan 15 Mac Sebagai Hari Pengguna Kebangsaan**

2. Saya sedar kehidupan kita sebagai pengguna tidak seperti dahulu dan kesan pandemik Covid-19 dirasai oleh kita semua. Bagi mendepani cabaran ini, Kementerian sentiasa mengambil pelbagai langkah pro-aktif dalam memastikan hak-hak pengguna terpelihara.
3. Kerajaan sedar bahawa pengguna merupakan penyumbang utama ke arah perkembangan ekonomi negara. Sejajar dengan tanggungjawab besar yang diamanahkan kepada KPDNHEP, kementerian sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu berkaitan kepenggunaan. Bagi

mengiktaraf sumbangan yang telah diberikan oleh pengguna kepada negara, kerajaan telah bersetuju untuk merayakan Hari Pengguna Kebangsaan bersama dengan sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia (World Consumer Rights Day). Tahun 2021 adalah tahun yang bersejarah kerana buat pertama kalinya kita menyambut Hari Pengguna Kebangsaan bersama Hari Hak-hak Pengguna Sedunia pada tarikh yang sama.

- 4. World Consumer Rights Day that is being celebrated on 15th of March every year marks the global solidarity to uphold consumer rights and promote a sustainable environment.*
5. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia dan Selamat Hari Pengguna Kebangsaan 2021.

## **B. Tema Hari Hak-hak Pengguna dan Hari Pengguna Kebangsaan**

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

6. Tema yang dipilih oleh Consumer International iaitu badan yang bertanggungjawab terhadap sambutan WCRD pada tahun ini adalah '*Tackling Plastic Pollution*' atau menangani pencemaran plastik. Tema ini merupakan kesinambungan kepada usaha berterusan Kementerian ini untuk melahirkan pengguna yang bukan sahaja bijak, berdayaupaya, mampu membuat pilihan dan tindakan yang terbaik, bahkan juga pengguna yang peka terhadap kelestarian alam sekitar.
  
7. Isu kelestarian alam sekitar menjadi topik hangat yang dibincangkan oleh pelbagai pihak di seluruh dunia. Di Malaysia, isu pencemaran merupakan salah satu dari cabaran terbesar yang dihadapi

oleh kita pada masa ini terhasil dari pengurusan buangan yang tidak berhemah. Berdasarkan kajian World Wide Fund for Nature (WWF) pada tahun 2019, Malaysia adalah antara negara tertinggi menggunakan plastik iaitu lebih kurang 16.78 kg per individu berbanding negara China, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam.

8. Oleh itu, sebagai pengguna kita seharusnya mengambil langkah yang sewajarnya bagi merealisasikan matlamat kerajaan dalam mewujudkan alam sekitar yang sihat demi kelangsungan kehidupan generasi kita di masa hadapan. Sedikit usaha sebagai pengguna seperti pelaksanaan konsep 7Rs (*rethink, refuse, reduce, reuse, recycle, repair, and replace*) mampu memberi impak yang tinggi dalam menguruskan bahan buangan plastik dengan lebih berkesan.

9. Selain daripada itu, saya juga menyeru kepada semua pemain industri dari pelbagai sektor perniagaan agar sama-sama mengembang usaha dengan mencari alternatif yang lebih mesra alam dalam penghasilan dan pembungkusan produk. Usaha dan kerjasama semua pihak mampu mengubah dunia ini menjadi lebih kondusif dan selamat untuk generasi akan datang.

10. Saya juga melihat peranan berterusan yang dimainkan oleh NGO juga berupaya mengubah minda pengguna. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh NGO seperti pendidikan pengguna, program kitar semula, program hidup sihat dan lain-lain program kepenggunaan mampu memberi impak positif terhadap daya fikir pengguna dalam mendepani isu-isu kepenggunaan yang semakin mencabar. Terima kasih diucapkan kepada semua NGO di atas

usaha murni yang telah dilaksanakan dalam melahirkan pengguna bijak yang mampu bertindak untuk melindungi hak-hak mereka.

**Para hadirin yang saya hormati sekalian,**

11. Saya juga ingin menarik perhatian hadirin sekalian terhadap Indeks Pendayaupayaan Pengguna yang kini pada tahap 63.1% dan dikategorikan sebagai tahap sederhana (*moderate*). Indeks ini menunjukkan bahawa pengguna di negara kita masih belum benar-benar menghayati dan mempraktikkan hak-hak mereka sebagai pengguna. Kementerian akan terus merangka program advokasi di setiap peringkat masyarakat bagi menangani isu-isu kepenggunaan semasa. Kementerian akan terus memainkan peranan yang lebih aktif dalam memberi pendidikan kepada pengguna mengenai kelestarian alam sekitar dengan

kerjasama NGO, komuniti dan masyarakat awam.

*12. It will always be one of this Ministry's priorities, to develop more effective strategies that empower consumers to adapt to a more sustainable way of living as well as to address other consumerism issues which directly impact the daily lives of the people.*

**Hadirin yang saya hormati sekalian.**

### **C. Peranan Kementerian**

13. Kementerian telah membangunkan pelbagai inisiatif dalam memperkasakan pengguna. Antara program dan inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:-

- i. Aplikasi Price Catcher adalah aplikasi untuk membuat perbandingan harga bagi

- mendapatkan barang pada harga yang berpatutan;
- ii. Aplikasi MySales Tracker bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pengguna untuk membuat semakan aktiviti jualan murah di sekitar lokasi pengguna berkenaan;
  - iii. 9 saluran aduan untuk pengguna menyalurkan sebarang isu berkaitan kepenggunaan; dan
  - iv. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) merupakan satu platform alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna menfailkan tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan. Bagi tempoh tahun 2015 sehingga Februari 2021, terdapat sebanyak 32,550 kes pemfailan telah direkodkan yang melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM 176,035,149.10.

14. Segala usaha dan inisiatif kementerian ini hanya akan menjadi berkesan sekiranya pengguna di luar sana turut memainkan peranan. *It takes two to tango.* Oleh itu, marilah kita berganding bahu bekerjasama bagi melindungi hak kita sebagai pengguna.

## D. Penutup

15. Akhir kata, saya mewakili pengguna merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan di atas persetujuan menetapkan 15 Mac sebagai Hari Pengguna Kebangsaan. Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menggembung tenaga dalam memastikan hak-hak pengguna di negara ini dapat dilindungi dan menjamin kesejahteraan kepada semua. Terima kasih kepada NGO yang sentiasa bekerjasama dalam melindungi hak-hak pengguna, peniaga

beretika yang mematuhi peraturan dan undang-undang dan tidak lupa juga kepada semua pengguna yang sentiasa membantu kementerian dalam memperkasakan hak-hak anda selaku pengguna.

16. Selamat menyambut Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia dan Hari Pengguna Kebangsaan 2021.

#jadilahpenggunabijak  
#penggunabijakpenggunabertindak

Sekian, Terima Kasih.